

SELANGOR

PCB.288860: PAPAN TANDA IKLAN YANG MENDATANGKAN KACAU GANGGU KESELAMATAN KEPADA PENGGUNA LEBUHRAYA MAJU EXPRESSWAY SDN. BHD.


23 Mei 2022 - Biro Pengaduan Awam (BPA) Negeri Selangor telah menerima aduan daripada kakitangan syarikat konsesi Lebuhraya Maju Expressway Sdn. Bhd. (Kilometer 14.2) mengenai kacau ganggu papan tanda iklan yang berada berhampiran dengan lebuhraya dan telah mengundang ancaman bahaya kepada pengguna.

Tindakan Penyelesaian

Semakan awal mendapati lokasi kedudukan papan iklan yang diadukan berada di satu kawasan tanah yang berbukit bersebelahan dengan Jalan PUJ 9/11, Taman Puncak Jalil. Laporan-laporan media massa mendapati isu papan tanda iklan yang mendatangkan ancaman bahaya kepada keselamatan orang ramai telah dilaporkan sebelum ini. Lawatan tapak yang telah diketuai oleh Puan Norsuhana binti Azman, Pengarah Biro Pengaduan Awam Negeri Selangor telah diadakan di lokasi aduan bagi melihat kedudukan sebenar papan iklan yang diadukan pada 29 Mei 2022.

Sesi libat urus bagi membincangkan isu penyelesaian aduan telah diadakan pada 31 Mei 2022 melibatkan agensi-agensi berkaitan iaitu Biro Pengaduan Awam Negeri Selangor, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Maju Expressway Sdn. Bhd.

Hasil daripada sesi libat urus ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mengawal selia kawasan lokasi aduan telah bersetuju untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan perobohan struktur haram tersebut pada kadar segera bagi mengelakkan risiko kemalangan kepada pengguna Lebuhraya MEX di masa hadapan. Pada 2 Jun 2022, iaitu selepas sembilan hari aduan diterima kerja-kerja perobohan struktur haram di lokasi aduan telah selesai dilaksanakan bagi memastikan ancaman keselamatan kepada para pengguna lebuhraya berhampiran dapat dihapuskan.



Satu cedera, papan iklan tepi lebuhraya tumbang hempap rumah

Bername
Disember 13, 2016 23:23 MYT



Angin kencang menyebabkan papan iklan terletak berhampiran rumah bersebelahan Lebuhraya Utara-Selatan, tumbang. - Foto BERNAMA



UTAMA

Kerajaan kerugian hampir RM1juta setahun akibat papan iklan haram

By Nizam Zain - 18 November 2020



Melabur dengan pelaksanaan yang pantas

Broker pelbagai anugerah, pelbagai kawal selia

Buka Akaun

Petahmatan kami melibatkan risiko yang besar dan boleh merendahkan pada modal yang anda laburkan. Tertaklak T&K

XM

Artikel Popular



Kerja-kerja merobong papan iklan giat dijalankan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Kementerian Kerja Raya Malaysia dalam satu operasi bincakan Penguatkuasaan struktur papan iklan di bawah rizab Jalan Persekutuan ketika di Lebuhraya Persekutuan. Selangor, foto MOHDI ADZLAN, 18 NOVEMBER 2020.





Sebelum Perobohan

Selepas Perobohan